

17 JUN 2002

PELAJAR BUMIPUTRA DIMINTA BERDIKARI

KUCHING, 17 Jun (Bernama) -- Kerajaan Sarawak menggalakkan pelajar Bumiputra di negeri itu berdikari walaupun mereka layak mendapat bantuan dan subsidi kerajaan, kata Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu hari ini.

Jabu yang juga Menteri Pembangunan Tanah dan Luar Bandar Negeri berkata pergantungan kepada kerajaan akan mewujudkan sekumpulan pelajar Bumiputera yang lemah di tengah-tengah dunia yang semakin kompetitif.

"Sikap positif di kalangan pelajar Bumiputra untuk berdikari akan memberi manfaat jangka panjang kepada mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu seminar di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kekecewaan yang disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam temubual oleh Minggu Malaysia semalam mengenai sikap negatif sebilangan pelajar Melayu.

Menurutnya mereka wajar bertanya diri sendiri apa yang wajar dilakukan selain bergantung kepada bantuan dan subsidi kerajaan.

-- BERNAMA

CJ LAT